

**PERSPEKTIF UMUM TERHADAP PERANAN DAN
KEPENTINGAN MUZIUM DI KUCHING, SARAWAK**

ALI HASSAN B. TORAN	2000317302
SHAH DAN B. LEH	2000374006
SOPHIA MALENNIE MATHIAS	2000317565
AWANG MADHI B. AWANG HADDY	2000543771

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
FALKUTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS KOTA SAMARAHAN
CAWANGAN SARAWAK**

OKTOBER 2003

SURAT PENYERAHAN

Diploma Pentadbiran Awam 5B,
Universiti Teknologi MARA,
Kampus Kota Samarahan,
Cawangan Sarawak,
Jalan Meranek,
94300, Kota Samarahan,
Sarawak.

Encik Nicholas Amin,
Pensyarah PAD 340,
Universiti Teknologi MARA,
Kampus Kota Samarahan,
Cawangan Sarawak,
Jalan Meranek,
94300, Kota Samarahan,
Sarawak,

30 September 2003

Tuan,

Surat Penyerahan Kertas Kerja Kajian PAD 340

Kumpulan kami dengan sukacitanya menyerahkan kertas kerja kami untuk PAD 340 yang bertajuk ‘Perspektif Umum Terhadap Peranan dan Kepentingan Muzium di Kuching, Sarawak.’

2. Kertas kerja kajian ini mengandungi butiran maklumat mengenai peranan dan kepentingan muzium di Kuching, Sarawak. Selain itu juga, mengandungi maklumat serta informasi yang berkaitan dengan kajian penyelidikan kami untuk dijadikan panduan dan rujukan penting pada masa akan datang yang berkait dengan permasalahan kajian penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian ini menyelidiki dan melibatkan pandangan serta cadangan para responden terhadap peranan dan kepentingan muzium di Kuching, Sarawak sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab menyimpan serta mempamerkan segala warisan tinggalan sejarah. selain itu, untuk kajian ini seramai 110 responden dipilih secara rawak telah melengkapkan set borang soal selidik yang telah kami edarkan. Focus kajian kami adalah berdasarkan perspektif masyarakat setempat mengenai peranan yang dimainkan serta kepentingan kewujudan muzium. Malahan kami juga menyelidiki permasalahan yang sering kali timbul sama ada dari pihak muzium atau masyarakat umum. Kajian ini memaparkan maklumat berkenaan muzium sebagai sebuah institusi yang penting kepada sesebuah bangsa dan negara.

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI ISI KANDUNGAN	i
SURAT PENYERAHAN KERTAS KERJA	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI GAMBAR RAJAH	ix

BAB 1 PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	7
1.3 Penyata Masalah	13
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Skop Kajian	15
1.6 Hypotesis Kajian	16
1.7 Andaian	17
1.8 Kepentingan Kajian	19
1.9 Batasan Dalam Kajian	22
1.10 Cadangan Penemuan	24
1.11 Rangka Susunan Bab	26

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	25
2.2 Ulasan Karya	26

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGKENALAN

Sarawak adalah di antara negeri di Malaysia dan Asia Tenggara yang terawal menubuhkan muzium. Muzium sementara telah dibuka kepada orang ramai pada tahun 1886 yang bertempat di sebuah bangunan di Jalan Gambir. Pada tahun 1891 sebuah sebuah bangunan muzium yang telah dibina dan muzium ini kemudiannya dikenali sebagai Muzium Sarawak. Sejak penubuhannya, ia terkenal di seluruh dunia sebagai salah sebuah muzium budaya dan telah memberi sumbangan dalam penyelidikan dan penyelancongan.

Muzium merupakan sebuah bangunan yang menyimpan dan menjaga barang- barang khazanah lama yang mangandungi sejarah serta bernilai untuk dijadikan bahan kajian, rujukan dan pameran kepada orang ramai. Bahan-bahan yang dipamerkan dalam pelbagai bidang sudah pasti dapat memberi pengetahuan yang luas atau mendalam khususnya menyentuh ketinggian warisan sejarah di Sarawak. Tujuan utama muzium ditubuhkan adalah untuk memberi gambaran yang jelas kepada orang ramai termasuk orang ramai termasuk pelancong asing tentang keunggulan warisan sejarah dan keunikan kebudayaan di Sarawak khasnya dan Malaysia amnya.